



Skuad ragbi UPM yang beraksi di SUKIPT 2022.

# Skuad ragbi UPM laung amaran

**Kuala Lumpur:** Pasukan ragbi tujuh sebelah (7s) Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan status selaku pasukan pilihan di temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 apabila menang bergaya pada aksi pembukaan kumpulan semalam.

Skuad yang diberisi sembilan pemain yang mewakili negara dalam Sukan Komanwel Birmingham 2022 baru-baru ini mudah ‘membaham’ Universiti



Selangor (Unisel) 41-0.

Bagaimanapun, jurulatihnya Mohamad Nazeer Nesharah mengakui status selaku pasukan pilihan itu sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pasukannya

dan mahu pemain untuk terus fokus pada setiap perlawanan.

## Tekanan kepada pemain

“Ia sememangnya memberi tekanan kepada pemain kerana mereka sedar ada tanggungjawab besar dan mereka pun membawa nama sebagai pemain Malaysia sebagaimana orang lain kenal.

“Saya pun ada berbincang dengan pemain di mana tekanan itu kita akan tukar kepada perkara yang lebih positif. Itulah yang

kami buat dalam usaha meraih emas kali ini,” kata Nazeer.

Nazeer bagaimanapun mengakui misi mereka kali ini sememangnya menyasarkan untuk merampas kembali takhta juara SUKIPT yang dimenangi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada edisi lalu.

Acara ragbi yang dipertandingkan dalam temasya SUKIPT edisi kelima kali ini disertai sebanyak 25 universiti dari seluruh negara.